

17 OCT 2003

OIC-Deklarasi/I

PEMIMPIN OIC KELUARKAN DEKLARASI PUTRAJAYA UNTUK MENGUKUHKAN PERTUBUHAN

PUTRAJAYA, 17 Okt (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mengakhiri sidang kemuncak mereka di sini hari ini dengan merumuskan pelan tindakan 12 perkara untuk mengukuhkan pertubuhan itu bagi menghadapi cabaran global.

Pelan tindakan itu terkandung dalam Deklarasi yang dikeluarkan pada penutup Sidang Kemuncak Ke-10 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini.

Deklarasi itu dibacakan oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Para pemimpin bersetuju untuk menyemak dan menganalisis kedudukan OIC berhubung isu-isu antarabangsa dan menggariskan strategi sesuai bagi mengukuhkan perpaduan mereka terutamanya di forum antarabangsa.

Mereka juga bersetuju untuk menimbangankan cadangan mengenai Aturan Pembayaran Perdagangan berasaskan Emas (GTPA) sebagai alternatif bagi urusan perdagangan di kalangan 57 negara anggota dalam usaha memantapkan pembangunan perdagangan dan ekonomi.

Langkah-langkah praktikal untuk menggalakkan perdagangan dan pelaburan juga akan diambil menerusi perkongsian pangkalan data dan mewujudkan hubungan dalam perkhidmatan kewangan, perkapalan dan penerbangan di kalangan negara anggota.

Ini untuk menggalakkan dan memudahkan aliran pasaran bagi produk dari negara-negara anggota OIC yang lebih miskin.

Pemimpin berkenaan juga bersetuju untuk mengadakan dialog dengan budaya dan tamadun lain, termasuk Barat, dan organisasi antarabangsa dan serantau lain.

Ini bagi mewujudkan kesederhanaan, persefahaman bersama dan meningkatkan penghargaan terhadap Islam sebagai agama yang menggalakkan keamanan dan keharmonian sesama manusia.

Troika Sidang Kemuncak OIC dan Pengerusi lama, sekarang dan akan datang akan mewakili OIC pada dialog itu.

Pemimpin berkenaan berkata dialog antara orang Islam, terutamanya cendekiawan, intelektual, pakar undang-undang dan pembuat dasar dan institusi Islam sedia ada seperti Akademi Fekah juga akan memanfaatkan dengan lebih giat.

Mereka berkata Akademi Fekah dan Sekretariat Am perlu distruktur semula dan diberikan mandat untuk mengkaji semua isu yang relevan bagi rujukannya yang akan menyumbang ke arah mewujudkan persefahaman lebih baik dan meminimumkan perbezaan pendapat di antara negara anggota.

Memgenai penyuburan semula OIC, pemimpin berkenaan berkata semakan komprehensif yang sedang dijalankan ke atas Sekretariat Am OIC akan disiapkan oleh perunding sekarang.

Ini akan dilakukan dengan hasrat untuk merombak struktur, metodologi, memperbaiki kewangan dan keperluan sumber manusia dan memastikan dokumentasi yang lebih fokus, padat bagi menjadikannya lebih efektif, efisien dan sebagai mekanisme responsif bagi kerjasama di kalangan negara anggotanya.

Semakan itu, yang akan dipertimbangkan oleh Menteri-menteri pada Persidangan Menteri-menteri Luar Islam akan datang, juga perlu mengkaji isu-isu berkaitan Piagam OIC, termasuk persoalan kerjasama strategik global, kata mereka.

Lain-lain tindakan penting yang akan diambil adalah untuk mewujudkan satu kumpulan perbincangan bagi mencadangkan cara-cara bagaimana pendidikan

Islam boleh menyumbang kearah meningkatkan keamanan, persefahaman, toleran, pembangunan ekonomi dan pemodenan, termasuk peningkatan dalam peranan kaum wanita dalam pembangunan ekonomi.

Mereka juga bersetuju mengenai kepentingan untuk membangunkan Sains dan Teknologi di kalangan negara-negara anggota melalui persidangan tetap para saintis, jurutera, pakar inovasi serta pakar teknologi Islam bagi tujuan bertukar pandangan dan berkongsi pengalaman penyelidikan.

Sebuah Tabung Khas OIC dan satu sistem yang sesuai untuk memberi anugerah kepada pencapaian yang memberangsangkan dalam bidang-bidang terbabit akan diwujudkan bagi menggalakkan aktiviti mereka.

Para pemimpin berkata aktiviti interaksi serta pertukaran idea dan pandangan yang tetap antara kalangan cendekiawan, ahli perniagaan, usahawan, pengusaha industri dan pembuat dasar mengenai isu yang membabitkan Ummah di kalangan umat Islam juga akan diadakan.

Ini membabitkan bidang ekonomi, perniagaan, penyelidikan dan pembangunan, khususnya dalam konteks proses pantas globalisasi dan liberalisasi.

Para pemimpin juga bersetuju untuk mewujudkan pelbagai program untuk meningkatkan kerjasama di antara negara-negara anggota dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) bagi pembangunan berasaskan prinsip "perkongsian bestari" yang akan melibatkan sepenuhnya kerajaan, masyarakat dan sektor swasta.

Negara-negara anggota juga akan digalakkan untuk menyumbang secara sukarela kepada Tabung Perpaduan Digital OIC yang dicadangkan.

Pemimpin berkenaan juga berkata mekanisme sedia ada bagi membantu memulihkan negara-negara anggota OIC yang baru bebas daripada konflik juga akan diperkembangkan.

Mereka juga bersetuju untuk mengambil langkah efektif bagi menangani isu-isu ekologi yang amat penting bagi survival manusia.

-- BERNAMA  
AZZ AZZ RHM